




MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat atau kontraktor-kontraktor Bumiputera dari Negeri Terengganu yang berpengalaman dan berkeupayaan serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221002 - Perkhidmatan/Khidmat Kebersihan Dan Rawatan /Membersih Kawasan, 221003 - Perkhidmatan/Khidmat Kebersihan Dan Rawatan /Mengangkat Sampah dan 221402 - Hiasan Jalan/Kawasan (tidak termasuk pelanskan dan seni tanam) sahaja dengan pendaftaran yang masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk perkhidmatan seperti berikut :

TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PENDAFTARAN & SYARAT-SYARAT PENYERTAAN SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN & TARIKH DOKUMEN MULAI DIMUAT TURUN	TARIKH TUTUP
<p>Perkhidmatan Penyelenggaraan Landskap, Pembersihan Kawasan Dan Pemotongan Rumput Di Taman Panorama, Kuala Terengganu.</p> <p>No. Sebutharga : MBKT SH 117/2021</p>  <p><a href="https://forms.gle/VGKkeL3TZtqqGRm9">https://forms.gle/VGKkeL3TZtqqGRm9</a></p>	<p><b>Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)</b></p> <p><b>Kod Bidang :</b> 221002, 221003, 221402</p> <p><b>Sijil atau dokumen-dokumen yang perlu (WAJIB) dimuat naik semasa pendaftaran bagi tujuan semakan :-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>* Salinan Kad Pengenalan PENAMA yang berdaftar.</li> <li>* Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Sijil Akaun Pendaftaran Bumiputera)</li> <li>* Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat beserta Lampiran Kod Bidang)</li> <li>* Slip Bayaran</li> </ul>	<p>Tiada Lawatan Tapak/ Taklimat</p> <p><b>Tarikh Pendaftaran :-</b> Pada Selasa 24 Ogos 2021 (mulai jam 11.00 pagi) hingga Khamis 26 Ogos 2021 sebelum jam 12.00 Tengahari.</p> <p><b>Cara Pembayaran :-</b> Hanya penyebutharga atau kontraktor yang TELAH BERDAFTAR (dokumen-dokumen disemak dan disahkan layak) DAN MENGEMUKAKAN SLIP BAYARAN SAHAJA akan menerima email untuk memuat turun Dokumen Sebutharga</p> <p><b>Bayaran Secara Atas Talian kepada Akaun Rasmi Milik MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU melalui sistem e-bayaran</b> <a href="https://apps.mbkt.gov.my/ebayaran/tender.php">https://apps.mbkt.gov.my/ebayaran/tender.php</a></p> <p>Setelah membuat pembayaran, sila buat pendaftaran mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan dan memuat naik dokumen atau sijil berkaitan serta bukti bayaran (slip bayaran) melalui pautan Google Form pada capaian Kod QR mengikut nombor sebutharga</p>	<p>Harga Dokumen Sebutharga Muat Turun adalah RM30.00.</p> <p>Dokumen Sebutharga akan diedarkan secara talian/ email mulai Khamis 2 September 2021 selepas semakan dokumen atau sijil dan slip bayaran diterima (sila semak <i>inbox</i> atau <i>spam</i>).</p> <p><b>Peringatan PENTING :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Dokumen sebutharga hanya di edarkan (<i>email</i>) kepada penyebutharga yang mengemukakan dokumen lengkap dan masih sah serta slip bayaran sahaja.</li> <li>Penyebutharga atau kontraktor yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tidak akan diedarkan (<i>email</i>) sebutharga dan <b>bayaran tidak akan dikembalikan</b></li> <li>Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kecuaihan atau kesilapan penyebutharga atau kontraktor semasa membuat pendaftaran dan bayaran atas talian ini.</li> </ol>	<p><b>SELASA 14 SEPTEMBER 2021</b></p> <p>Jam 12.00 Tengah Hari</p> <p><b>** Dokumen Sebut Harga Yang Lengkap Diisi Beserta Salinan Slip Bayaran Pembelian Dokumen Sebutharga.</b></p> <p><b>** Sebutharga yang lewat tidak akan diterima</b></p>

- Dokumen Sebut Harga dalam bentuk salinan (Salinan Cetak) yang telah lengkap di isi beserta slip bayaran pembelian dokumen sebut harga mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat berkenaan. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang beralamat : - Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (d/a : Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan di Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu) pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada SELASA 14 SEPTEMBER 2021.
- Pihak Majlis tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan secara pos berdaftar atau kurier. Kontraktor atau penyebutharga hendaklah memastikan dokumen Sebut Harga tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- Pihak Majlis berhak MENOLAK sekiranya pendaftaran yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan, tidak mematuhi peraturan penyertaan dan melebihi tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan serta didapati dokumen-dokumen yang dimuatnaik berbeza atau palsu dengan dokumen sebenar semasa penyerahan dan penilaian Dokumen Sebut Harga kelak. Bayaran yang telah dibuat juga tidak akan dikembalikan.
- Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Semua kos yang berkaitan dengan tawaran Sebut Harga ini adalah tanggungjawab kontraktor atau penyebutharga.
- Sebarang pertanyaan boleh hubungi melalui email [qs.mbkt@gmail.com](mailto:qs.mbkt@gmail.com)
- Kontraktor atau penyebutharga hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dengan mematuhi **Standard Operation Prosedur (SOP)** yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

.....  
t.t  
.....  
( HAJI ROZALI BIN SALLEH )  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu